

msf3

RM100,000 untuk Cendekia Bitara

NUR AKHMAR MOHD ABHAR

KUANTAN - Universiti Malaysia Pahang (UMP) memperuntukkan wang tunai bernilai RM100,000 bagi meraikan dan mengiktiraf tokoh-tokoh cemerlang UMP dalam pelbagai bidang menerusi Anugerah Cendekia Bitara 2008 yang akan disampaikan pada 24 Julai ini.

Naib Canselornya, Profesor Datuk Dr Daing Nasir Ibrahim berkata, anugerah berkenaan akan disampaikan Canselor UMP, Tengku Mahkota Pahang, Tengku Abdullah Sultan Ahmad Shah di Malam Anugerah Cendekia Bitara 2008 UMP yang bertemakan 'Technology Creation From Forest Wealth' di Hotel Hyaat Regency Kuantan Resort, di sini.

Menurutnya, pemilihan nama 'cendekia' bermaksud seseorang atau sekumpulan cerdik pandai, ilmunan atau intelektual manakala 'bitara' pula membawa maksud yang tiada tandingnya iaitu suatu kualiti yang dihasratkan oleh UMP.

"Justeru itu, anugerah ini secara umumnya bermaksud anugerah untuk ilmunan yang tiada tandingannya. Anugerah ini adalah lanjutan daripada pengiktirafan kepada penyelidik dalam Majlis Malam Aspirasi pada tahun lalu," katanya dalam sidang media di Agro Semuji Resort, dekat sini, kelmarin.



● Dr Daing Nasir (empat, kanan) menunjukkan durian yang dipegangnya kepada wakil media selepas sidang media yang diadakan di Agro Semuji Resort, dekat sini, kelmarin.

Turut diadakan ialah Program Jom Makan Durian bersama pengamal media Pahang.

Katanya, wang tunai berkenaan akan diberikan kepada setiap pemenang kategori di mana ia dibuka kepada semua warga UMP yang memenuhi kriteria yang ditetapkan dan pihaknya tidak menetapkan had pemenang untuk setiap kategori dan kini pemenang dalam proses pemilihan selepas permohonan ditutup pada 1 Julai lalu.

"Mulai tahun ini, UMP melalui Jabatan Penyelidikan dan Inovasi mewujudkan dia jenis pengiktiraf-

an iaitu Anugerah Cendekia Bitara dan Hadiah Sanjungan.

"Terdapat tujuh kategori yang dipertandingkan bagi Anugerah Cendekia Bitara dan enam kategori bagi Hadiah Sanjungan," katanya.

Daing Nasir berkata, tujuh kategori bagi Anugerah Cendekia Bitara adalah kategori tokoh, penerbitan jurnal, penerbitan buku, produk penyelidikan, kreativiti, kualiti dan juga paten.

"Manakala enam kategori bagi Hadiah Sanjungan pula ialah kategori penerbitan jurnal, penerbitan buku, produk penyelidikan, kreativiti, kualiti dan juga paten," katanya.

tiada tanding